

SYARAT DAN ARAHAN-ARAHAN AM PENILAIAN ALTERNATIF SESI DIS 2020

1. Pelajar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut sebelum layak menduduki PAIt:-
 - a. telah mendaftar kursus berkenaan
 - b. telah menghadiri 80% atau lebih kuliah/tutorial/amali bagi jangkamasa yang ditetapkan

2. Semua calon hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:
 - a. calon dikehendaki berada ditempat yang sesuai untuk melaksanakan penilaian Alternatif pada tarikh dan masa yang telah dijadualkan, calon diminta memastikan tempat berkenaan boleh capaian internet untuk mengkses sesuatu platform sepertimana yang telah diarahkan oleh pensyarah kursus dalam masa (2) jam sebelum Penilaian Alternatif dimulakan
 - b. calon dikehendaki mengisi maklumat di Borang Akuan Pelajar, memahami dan menurunkan tandatangan pada bahagian yang disediakan
 - c. calon hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi semua arahan yang tercetak pada muka hadapan soalan peperiksaan
 - d. calon hanya boleh mula menjawab apabila diarahkan dan dikehendaki berhenti menjawab apabila diarahkan berbuat demikian;
 - e. calon akan ditamatkan masa menjawab oleh pensyarah kursus apabila masa menjawab telah tamat sepertimana dalam jadual pelaksanaan Penilaian Alternatif.
 - f. pada akhir tempoh PAIt calon hendaklah memastikan bahawa skrip jawapan disusun dengan sempurna sebelum memuat naik dalam platform pensyarah

3. Pelajar tidak dibenarkan melakukan mana-mana penyelewengan akademik seperti memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

4. Pelajar yang telah dibuktikan melakukan Plagiat akan dimansuhkan penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.